

Socioeconomic Class And Self Concept Variables

(Part 5)

Norrafidah Binti Wahid

2.5 Kelas Sosial Dengan Pencapaian Pelajar

Kelas sosial kanak-kanak boleh ditentukan melalui kumpulan yang diikuti oleh kanak-kanak tersebut. Kebiasaannya kanak-kanak ini mempunyai klik atau kumpulan yang tertentu berdasarkan persamaan, keserasian dan status sosioekonomi keluarga mereka. Golongan kanak-kanak daripada keluarga atasan dan pertengahan kurang bergaul dengan golongan kanak-kanak daripada golongan sosioekonomi bawahan disebabkan taraf hidup keluarga golongan ini yang berbeza dengan taraf hidup mereka di samping nilai-nilai yang mempengaruhi diri mereka adalah jauh berbeza dengan golongan kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan.

Menurut Irvin(1996), kanak-kanak daripada golongan kelas sosial atasan biasanya cepat memahami pembelajaran di bilik darjah. Kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh ibubapa mereka memudahkan mereka belajar dan pastinya tidak sukar bagi mereka memperolehi kecemerlangan dalam akademik. Manakala golongan kanak-kanak dari kumpulan sosioekonomi pertengahan menunjukkan tahap sederhana di dalam pembelajaran mereka. Golongan kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan pula didapati agak lambat memahami pembelajaran yang diajar oleh guru mereka semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian yang telah dijalankan oleh tokoh ini menjelaskan bahawa gaya pembelajaran murid-murid atau individu juga dipengaruhi oleh status sosioekonomi keluarga mereka. Seterusnya, ia juga akan mempengaruhi pencapaian dan prestasi akademik kanak-kanak tersebut.

Selain daripada itu, perkembangan motivasi pencapaian pelajar juga mempunyai hubungan dengan status sosial sesebuah keluarga. Menurut kajian-kajian Winterbottom (1958) dan Rosen(1959), menunjukkan bahawa kanak-kanak daripada kelas sosial menengah mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Ini disebabkan oleh amalan didikan tertentu seperti ibu yang lebih dominan, keluarga yang mementingkan kecemerlangan dan kanak-kanak diberi kebebasan serta tanggungjawab pada peringkat umur yang masih muda.

Manakala bagi tokoh Mc Clelland(1983) pula berpendapat dalam kajiannya ke atas pelajar-pelajar kolej persediaan swasta, mendapat bahawa terdapat kolerasi yang positif di antara motivasi pencapaian dan amalan didikan kanak-kanak oleh bapa serta sokongan emosi bapa. Golongan ibubapa daripada kelas sosioekonomi atasan dan menengah amat menitikberatkan pencapaian anak-anak mereka di dalam bidang akademik. Justeru itu, dorongan motivasi dan asuhan bapa penting dalam pola membentuk kecemerlangan anak-anak mereka.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Wrigfield dan Asher(1983) pula mendapati bahawa ibubapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan motivasi pencapaian pelajar. Ibubapa kelas menengah secara umumnya memupuk motivasi pencapaian yang tinggi tehadap anak dengan harapan anak-anak mereka akan memperolehi kejayaan yang cemerlang. Penglibatan ibubapa dalam aktiviti yang berkaitan

dengan persekolahan dan pencapaian akademik anak-anak mereka amat positif dan golongan ibubapa dari kelas sosioekonomi atasan mudah memberikan kerjasama kepada pihak sekolah dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh ini, tidak dinafikan lagi bahawa pencapaian pelajar-pelajar di sekolah mempunyai hubungan dengan status sosioekonomi keluarga mereka. Didikan dan dorongan yang diterima daripada ibubapa terhadap anak-anak boleh meningkatkan motivasi dan seterusnya meninggikan pencapaian mereka di dalam pelajaran .

2.6 Taraf Sosioekonomi Dan Pencapaian Persekolahan

Beberapa kajian telah dibuat mengenai taraf atau status sosioekonomi dengan pencapaian persekolahan. Berdasarkan daripada kajian-kajian ini didapati bahawa jika taraf sosioekonomi keluarga murid itu tinggi maka pencapaian akademik dan pencapaian persekolahannya juga adalah tinggi. Pencapaian-pencapaian tersebut termasuklah markah-markah peperiksaan, kepujian,hadiah dan rancangan ke maktab dan ke universiti.

Perkara-perkara seperti kegagalan, ponteng sekolah, masalah disiplin dan digantung dari persekolahan kurang berlaku pada golongan dari taraf sosioekonomi tinggi jika dibandingkan dengan golongan taraf sosioekonomi yang rendah. Begitu juga dengan aspirasi murid dan pengaruh ibubapa yang lebih positif akan turut membantu dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Kesemua ini kebiasaanannya berlaku di kalangan keluarga yang berstatus sosioekonomi atasan atau pertengahan.

Kajian yang terbesar dan komprehensif telah dijalankan oleh Herriott dan St.John (1966) meliputi 41 bandar di Amerika Syarikat pada tahun 1960-1961. Perkara-perkara yang dikaji adalah mengenai kelas sosial ibubapa dan murid sekolah rendah dan menengah, kestabilan keluarga, penglibatan ibubapa, tingkah laku murid, kebolehan murid, pencapaian murid dan tahap pendidikan murid. Selain itu, pendapat guru besar dan guru-guru turut diambil kira tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan murid dan ibubapa. Rumusan kajian tersebut adalah yang dinyatakan seperti berikut :

- a. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah, maka lebih ramai lagi murid akan mengalami masalah keluarga yang kurang stabil.
- b. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah,maka amat kurang penglibatan ibubapa di sekolah tersebut.
- c. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah, maka lebih ramai lagi murid yang bertingkah laku tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran sekolah.
- d. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah, maka bilangan murid murid yang mempunyai kecerdasan akal melebihi daripada 120 amat sedikit dan lebih ramai lagi murid yang mempunyai kecerdasan akal kurang daripada 90.

- e. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah, maka lebih ramai lagi murid yang mendapat pencapaian lebih rendah daripada pencapaian purata pada tahap pelajar tersebut.
- f. Jika kebanyakkan murid di sesuatu sekolah itu berasal daripada kelas sosial rendah, maka bilangan murid yang akan memasuki maktab dan universiti amat rendah dan lebih ramai murid yang akan keciciran dalam pelajaran.

Dapatan-dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan pencapaian sekolah adalah berdasarkan kelas sosial. Sekiranya kajian tersebut dikaji secara lebih mendalam dan kritis, kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan atau rendah memasuki alam persekolahan dengan membawa berbagai-bagai masalah yang berpunca daripada keadaan keluarga mereka. Antara masalah-masalah tersebut ialah kemahiran kognitif yang terhad, kekurangan dorongan dan motivasi daripada ibubapa dan tingkah laku sosial yang diterima oleh peraturan sekolah. Masalah ini menambahkan beban kepada kanak-kanak daripada golongan kelas sosial bawahan jika dibandingkan dengan kanak-kanak daripada golongan sosioekonomi atasan dan pertengahan.

Masalah-masalah yang dialami oleh golongan kanak-kanak kelas sosial bawahan seperti yang dinyatakan ini sebenarnya menganggu tumpuan dan minat kanak-kanak dalam menghadapi pembelajaran di dalam bilik darjah sekiranya dibiarkan ianya berterusan tanpa diselesaikan terlebih dahulu masalah-masalah ini.

Oleh yang demikian, masyarakat golongan kelas sosial bawahan perlu membuat satu perubahan atau anjakan paradigma dengan mengubah sikap dan pemikiran mereka ke arah yang lebih positif demi kejayaan anak-anak mereka dan seterusnya secara tidak langsung meningkatkan kualiti pencapaian sesuatu sekolah itu. Sesungguhnya kejayaan sesuatu sekolah itu bergantung kepada pencapaian dan prestasi murid-murid yang belajar di sekolah tersebut di samping sokongan padu ibubapa terhadap apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah untuk kecemerlangan anak-anak mereka.

Sikap ibubapa yang menekankan kepentingan pendidikan anak-anak mereka di rumah boleh menjadi motivasi dan pendorong kepada anak-anak mengekalkan kecemerlangan mereka bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga kegiatan ko-kurikulum di sekolah. Peranan ibubapa sangat penting dalam membentuk dan mengasuh anak-anak menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Anak-anak menjadikan ibubapa mereka sebagai ‘role model’ yang boleh diikuti dan kerana itu setiap ibubapa harus menunjukkan tingkah laku yang baik dan sentiasa berfikiran positif. Ini adalah disebabkan anak-anak terutamanya kanak-kanak mudah meniru perlakuan ibubapa mereka samaada yang baik atau sebaliknya.

Ibu bapa tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada pihak sekolah sahaja. Kedua-dua belah pihak iaitu ibubapa dan sekolah sewajarnya bersama-sama mendidik anak-anak atau murid-murid ini menghadapi apa jua tekanan dan cabaran dalam dunia pendidikan. Dengan ini, pencapaian murid-murid dan pencapaian sekolah akan menjadi seimbang dan pastinya kecemerlangan murid-murid dan kejayaan pencapaian sekolah akan dapat dicapai.

Continue...